



PEMAKLUMAN
JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

KERTAS KONSULTASI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] digubal bertujuan untuk mengawalselia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial. Dalam memastikan pelaksanaan Akta 709 yang lebih efektif dan setanding dengan perundangan perlindungan data peribadi lain peringkat global, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) melalui Kementerian Digital telah meminda peruntukan sedia ada dan memperkenalkan beberapa peruntukan baharu dalam Rang Undang-Undang (RUU) Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024.

Salah satu daripada pindaan peruntukan sedia ada adalah pemansuhan warta pengecualian berkaitan larangan pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia. Dengan ini, pemindahan data rentas sempadan adalah dibenarkan ke negara yang mempunyai undang-undang perlindungan data peribadi yang serupa dengan Akta 709 atau mempunyai perlindungan yang mencukupi dalam melindungi data peribadi.

JPDP sebelum ini telah mengeluarkan Standard Perlindungan Data Peribadi pada tahun 2015. Standard ini menggariskan keperluan minimum yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi

bagi pengendalian data peribadi secara elektronik dan bukan elektronik. Dokumen ini menggariskan tiga (3) standard iaitu Standard Keselamatan, Standard Penyimpanan dan Standard Integriti Data dalam memastikan keselamatan, penyimpanan serta integriti data peribadi sentiasa terjamin.

JPDP sedang membangunkan Garis Panduan Pemindahan Data Rentas Sempadan bagi memastikan pengurusan pemindahan data peribadi rentas sempadan dilaksanakan secara berkesan serta mempunyai tahap perlindungan yang mencukupi. JPDP juga sedang melaksanakan semakan semula terhadap Standard Perlindungan Data Peribadi bagi menghasil dokumen standard yang komprehensif, selari dengan pindaan Akta 709 dan sejajar dengan perkembangan teknologi digital.

Sehubungan itu, dua (2) Kertas Konsultasi Awam telah diterbitkan bagi bagi mendapatkan maklum balas daripada orang awam dan pihak berkepentingan dalam membangunkan standard dan garis panduan seperti berikut:

- (a) **Kertas Konsultasi Awam Bil. 04/2024** : Standard Perlindungan Data Peribadi; dan
- (b) **Kertas Konsultasi Awam Bil. 05/2024** : Garis Panduan Pemindahan Data Peribadi Rentas Sempadan.

Sehubungan dengan itu, pihak awam adalah dijemput untuk mengemukakan maklum balas selewat-lewatnya pada **18 Oktober 2024 (Jumaat)**. Kertas Konsultasi Awam ini boleh dicapai melalui pautan <https://me-qr.com/S4TK1ES5> atau imbas kod QR berikut :



Sebarang pertanyaan lanjut berhubung soalan atau penghantaran dokumen maklum balas tambahan berkenaan Kertas Konsultasi Awam boleh dikemukakan melalui e-mel kepada uprll@pdp.gov.my.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DR. MOHD NAZRI BIN KAMA
KETUA PENGARAH
JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

1 Oktober 2024